



BH PLUS

di www.bharian.com.my
untuk lebih gambar dan video

BERITA HARIAN
12/1/2017

Graduan kejuruteraan jadi usahawan produk kucing

Kuala Lumpur: Kelayakan ijazah sarjana muda dalam jurusan kejuruteraan dimiliki Amelia Shafinaz Abu Bakar, 27, dan Aniq Akhmal Abu Naip, 27, tidak menghalang pasangan suami isteri itu untuk menceburi bidang perniagaan yang cukup berbeza dengan menjadi usa-

hawan produk kucing.

Selain menawarkan aneka produk fizikal untuk kucing seperti makanan, suplemen, aksesori, permainan, sangkar dan pasir khas, mereka turut memberi khidmat nasihat serta perundingan kepada pemilik haiwan peliharaan itu.

Amelia Shafinaz berkata, mereka juga menerapkan konsep 'mesra kucing' dengan membiarkan beberapa ekor daripada baka berbeza bermain di dalam kedai, sekali gus memberi peluang untuk pelanggan mendekati haiwan comel berkenaan.

V12